



**MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
86000 KLUANG**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia khususnya kepada rakyat Negeri Johor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan **JAWATAN TETAP** berikut di Majlis Perbandaran Kluang.

A. NAMA JAWATAN

| BIL | JAWATAN | GRED | KUMPULAN PERKHIDMATAN | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | KEKOSONGAN |
|-----|----------------------|------|-----------------------|-------------------------------|------------|
| 1. | Pengawal Keselamatan | KP11 | Pelaksana | Keselamatan & Pertahanan Awam | 1 |
| 2. | Pembantu Awam | H11 | Pelaksana | Perkhidmatan Kemahiran | 20 |
| 3. | Pemandu | H11 | Pelaksana | Perkhidmatan Kemahiran | 2 |
| 4. | Pembantu Operasi | N11 | Pelaksana | Pentadbiran dan Sokongan | 3 |

B. SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN KELULUSAN

1. JAWATAN : PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP 11

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan Jawatan dan kelayakan seperti berikut;

- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00);
- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00).
- (d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan a) hendaklah **memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

2. JAWATAN : PEMBANTU AWAM GRED H11

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan Jawatan dan kelayakan seperti berikut;
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00);
- (ii) **Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut

Malaysia).

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).

- (d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan a) hendaklah **memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. JAWATAN : PEMANDU GRED H11

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan Jawatan dan kelayakan seperti berikut;
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00);
- (ii) dan lesen memandu kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (Kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)).
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15)
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permilaan Gred H11 ditetapkan mengikut kelas lesen memandu :

| | |
|---------------|-------------|
| LESEN D | RM 1,264.15 |
| LESEM E/E1/E2 | RM 1,310.30 |
| LESEN F/H | RM 1,356.45 |
| LESEN G/I | RM 1,402.60 |

- (d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan a) hendaklah **memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. JAWATAN : PEMBANTU OPERASI GRED N11

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan Jawatan dan kelayakan seperti berikut;
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,216.00);

(ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P))

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,262.15).
- Dan (d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan a) hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

D. PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan harga **RM 1.00/set di pejabat Majlis Perbandaran Kluang atau dengan memuat turun borang di laman web <http://www.mpkluang.gov.my>.**

Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang
Jalan Kota Tinggi
86000 Kluang**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 07 Julai 2019

(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)

E. PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- a) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuaasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini ;
- b) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, Salinan lesen memandu, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;
- c) Permohonan yang lewat , tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- d) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga;
- e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- f) Pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang tidak akan bertanggung jawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang
86000 Kluang**